

Dasar Melawan Rasuah Seluruh Dunia

I. TUJUAN

Menurut undang-undang kebanyakan negara, pembayaran atau tawaran untuk membayar atau menerima rasuah, sogokan atau lain-lain pembayaran korup adalah perbuatan jenayah, yang membolehkan kedua-dua Eaton dan pekerja individu tersebut dikenakan denda dan/atau hukuman penjara. Undang-undang melawan rasuah ini, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing A.S. (FCPA), menjadikan tindakan membayar, menawarkan, atau memberi apa-apa yang bernilai kepada para pegawai kerajaan asing, parti politik luar (atau pegawainya) atau calon-calon untuk jawatan luar, untuk tujuan mempengaruhi tindakan atau keputusan para pegawai, parti atau calon tersebut perbuatan jenayah. Ini benar walaupun pembayaran tersebut adalah satu kebiasaan di negara tersebut.

Tujuan Dasar ini ialah untuk mempastikan pematuhan oleh semua pekerja, pegawai dan pengarah Eaton, dan anak-anak cawangan serta sekutunya, dengan FCPA dan undang-undang melawan rasuah yang berkaitan di negara-negara lain di mana Syarikat menjalankan atau bertujuan untuk menjalankan bisnes. Dasar ini meliputi perkara berikut:

- Rasuah, Sogokan atau Lain-lain Pembayaran Rasuah
- Pembayaran Memudahkan
- Perhubungan dengan Pihak Ketiga

II. BIDANG

Dasar ini dikenakan kepada semua pekerja, pegawai dan pengarah Eaton dan anak-anak cawangan serta sekutunya di seluruh dunia. Dasar ini harus dibaca berserta dengan Kod Etika Eaton dan Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia.

III. DASAR

Rasuah, Sogokan atau Lain-lain Pembayaran Rasuah

Adalah menjadi dasar Eaton bahawa, semasa menjalankan bisnes di mana-mana di dunia, Eaton, semua sekutu, pekerja, pegawai dan pengarah Eaton atau mana-mana sekutunya, dan semua yang bertindak sebagai wakil, agen, atau penasihat Eaton atau mana-mana sekutunya, mesti mematuhi undang-undang melawan rasuah yang berkenaan, terutama sekali FCPA. Para pekerja Eaton dilarang, secara langsung atau secara tidak langsung, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah, sogokan atau lain-lain pembayaran rasuah, atau apa-apa yang bernilai,

kepada atau daripada mana-mana orang atau pertubuhan, termasuk agensi kerajaan, pegawai individu kerajaan, syarikat swasta dan pekerja syarikat- swasta tersebut dalam apa keadaan sekalipun.

Larangan ini dikenakan,

- seluruh dunia, tanpa pengecualian;
- tanpa pertimbangan kepada adat serantau, amalan tempatan atau keadaan persaingan; dan
- kepada pembayaran secara tidak langsung akan sebarang rasuah, sogokan atau lain-lain pembayaran rasuah yang mungkin dijalankan menerusi pihak ketiga, seperti wakil, konsultan, broker, kontraktor, pembekal, usahaniaga bersama atau sekutu, atau mana-mana pihak perantaraan alain atau agen yang bertindak bagi pihak Eaton.

Tidak ada pekerja yang akan didenda kerana sebarang kelengahan atau kerugian bisnes hasil keengganannya untuk membayar rasuah.

Pihak Ketiga

Dasar ini melarang tawaran rasuah, janji dan pembayaran yang dibuat menerusi rakan-rakan, agen perantaraan, usahasama, atau pihak ketiga. Oleh yang demikian, adalah penting untuk menjalankan penyiasatan teliti terhadap rakan atau agen tersebut, dan tidak mengenepikan atau tidak hiraukan fakta yang menandakan kemungkinan bahawa pembayaran rasuah mungkin berlaku. Tujuan penyiasatan teliti ialah untuk mempastikan, sejauh mungkin, yang Eatonkekalkan hanya agen, wakil dan rakan yang mempunyai nama baik, dan jujur. Sebagai tambahan, kontrak dengan agen atau wakil pihak ketiga dan rakan usahasama harus, sejauh mungkin, termasuk peruntukan untuk meringkankan risiko potensi pembayaran haram.

Pembayaran Memudahkan

Walaupun undang-undang A.S. membenarkan pembayaran memudahkan (asalkan pembayaran ini dilaporkan dengan betul dalam rekod kewangan syarikat), pembayaran-pembayaran sebegitu adalah salah di sisi undang-undang tempatan kebanyakan, kalau tidak semua, negara-negara bukan A.S.. Pembayaran memudahkan adalah pembayaran jumlah kecil yang dibuat untuk mempastikan atau mempercepatkan prestasi tindakan rutin yang mandatori oleh para pegawai kerajaan paras kerani bukan A.S.. Contoh-contoh pembayaran memudahkan mungkin mendapatkan permit rutin untuk menjalankan bisnes, memproses visa dan pesanan kerja, mendapatkan perkhidmatan pos atau telefon, atau mempercepatkan pengiriman menerusi kastam (dengan jangkaan bahawa semua keperluan guaman untuk mendapatkannya sudahpun ditepati).

Eaton milarang pembayaran memudahkan kecuali dalam dua keadaan berikut dan hanya dengan kebenaran lebih awal oleh Jabatan Undang-undang Eaton (atau, kalau kebenaran lebih awal tidak mungkin didapati disebabkan keadaan, secepat mungkin, berikutnya pembayaran tersebut):

- Kegagalan membuat pembayaran akan mewujudkan risiko kepada kesihatan atau keselamatan, kesihatan peribadi atau keselamatan atau keadaan jasmani atau mental pekerja (atau rakan yang mengiringinya dalam perjalanan) ; atau
- Kegagalan untuk membuat pembayaran akan menyebabkan berlakunya kerugian ekonomi yang besar atau kos kepada Eaton hasil kegagalan pegawai kerajaan untuk melakukan perkhidmatan mandatori yang kalau tidaknya Eaton berhak menerima secara sah, seperti di mana pembukaan kilang pengeluaran dilengahkan disebabkan keengganan untuk memasang air, elektrik atau perkhidmatan telefon yang mana operasi ini berhak mendapatkannya.

Buku dan Rekod

Oleh kerana FCPA memerlukan supaya sebarang pembayaran sedemikian direkodkan dengan betul dalam buku-buku dan rekod Eaton. Adalah menjadi tanggungjawab bahawa sebarang pembayaran memudahkan dilaporkan kepada pengawal anda dan direkodkan sebagai pembayaran memudahkan. Kalau tidak direkodkan dengan betul, kemudahan yang dibenarkan di sisi undang-undang sekalipun boleh mengakibatkan Eaton dikenakan tindakan undang-undang.

LAMPIRAN KEPADA DASAR MELAWAN RASUAH SELURUH DUNIA

Contoh

Senario: Seorang pengawas kerajaan di pasaran membangun telah menjumpai beberapa pelanggaran keselamatan yang kecil di kilang kita. Dia mengancam untuk menutup kilang kita kecuali kita membayarnya denda dengan segera.

Analisa: Dalam perkara ini, hubungilah Jabatan Undang-undang dengan segera. Walaupun kita ingin mengelak kerumitan birokratik yang tidak diperlukan, membayar wang kepada pengawas kerajaan adalah tidak betul dan mungkin juga salah.

Senario: Seorang pengurus pembelian mengatakan bahawa dia akan membuat perjanjian jangka masa lama mengenai pembelian dengan Eaton, tetapi hanya kalau Eaton bersetuju untuk “bayar kembali atau rebat” sebahagian daripada harga pembelian kepada syarikat pembelian. Apa yang harus anda buat?

Analisa: Kalau anda bersetuju untuk bayar rebat sebahagian daripada harga pembelian (dengan jangkaan bahawa harga bersih masih lagi bagus dari segi bisnes) untuk mendapatkan bisnes tersebut, pastikan rebat tersebut dibayar ke dalam akaun yang dimiliki oleh syarikat yang membeli itu, dan bukan ke dalam akaun persendirian pengurus pembelian atau lain-lain pihak ketiga. Apabila menghadapi permintaan “luar biasa” berkaitan dengan pembayaran, lalu arah barang, dsb., berhati-hatilah untuk mempastikan permintaan yang sedemikian itu sah, dan bukannya untuk menolong sebarang sekim atau urusan yang tidak betul.

Senario: Eaton sedang mencari tanah untuk dibeli untuk kilang baru dalam sebuah pasaran membangun. Tanah ini milik kerajaan tempatan. Seorang broker harta tanah memberitahu anda bahawa dengan komisyen yang sebanyak 25% nilai harga, dia akan uruskan jualan tanah tersebut melalui “kontaknya” dalam kerajaan tempatan. Adakah anda bayar komisyen tersebut?

Analisa: Tidak. Sebab jumlah komisyen sebesar itu, dan dengan pengetahuan kita bahawa broker ada kaitan rapat dengan kerajaan, ada cukup “bendera merah” untuk mencadangkan urusan ini tidak betul.

Senario: Dalam percubaan untuk keluar dari sebuah negara yang sedang mengalami keresahan awam, anda ditahan oleh seorang pegawai kastam tempatan. Pegawai tersebut meminta pembayaran “yuran untuk memproses” sebanyak USD 20 untuk membenarkan anda lepas kastam.

Analisa: Dalam kes ini, anda boleh bayar yuran tersebut, asalkan anda dengan segera laporkan pembayaran tersebut kepada Jabatan Undang-undang, dan rekodkan pembayaran itu dengan betul.

Senario: Seorang pelanggan meminta anda keluarkan dua invois untuk produk yang dijual – satu invois yang menunjukkan harga sebenar, dan satu lagi invois yang menunjukkan harga yang lebih tinggi. Pelanggan itu akan membayar untuk invois pertama, dan akan gunakan invois kedua supaya dia dapat meminta harga yang lebih tinggi daripada pengguna terakhirnya. Adakah ini boleh diterima?

Analisa: Tidak. Dengan mengeluarkan invois kedua yang menunjukkan harga yang lebih tinggi, Eaton mungkin menolong pelanggan tersebut yang terlibat dalam perbuatan salah atau penipuan. Ini boleh mendedahkan Eaton kepada tindakan undang-undang, walaupun pelanggan yang menggunakan invois itu dengan cara tidak betul. (Sama juga kalau pelanggan meminta Eaton mengeluarkan salinan invois yang menunjukkan harga yang lebih murah. Kalau pelanggan guna salinan invois untuk mengurangkan cukai kastam, Eaton mungkin didapati salah kerana menolong pelanggan tersebut cuba elak cukai.)

Senario: Satu kiriman besar produk Eaton sedang dalam perjalanan ke pelanggan yang penting dalam sebuah pasaran membangun. Kiriman ini ditahan di kastam sebab kotak-kotaknya tidak ditandakan sebagai merbahaya seperti yang tercatat dalam dokumen kiriman. Akibat kelengahan ini kita menghadapi risiko akan terlepas tarikh penghantaran. Pengendali pengangkutan pihak ketiga kita memberitahu anda bahawa dia boleh yakinkan pegawai kastam untuk tutup sebelah mata jika dia diberi sedikit bayaran. Adakah ini cadangan yang baik?

Analisa; Tidak. Sebagai seorang pegawai Eaton anda dilarang membuat pembayaran serupa ini, dan menggunakan pengangkut untuk membuat pembayaran sama juga seperti melakukannya sendiri. Kita tidak meminta pihak lain untuk membuat sesuatu yang kita sendiri dilarang membuat.

Senario: Anda mahu menggunakan perkhidmatan konsultan untuk membantu anda mendapat bisnes dari para pelanggan, termasuk badan-badan milik kerajaan. Konsultan meminta yuran pendahuluan “logistik” sebanyak \$100,000 dan komisyen sebanyak 25% bagi setiap kontrak. Konsultan tidak ada apa-apa pengalaman bisnes berhubung produk Eaton tetapi terkenal sebagai “orang yang akan bereskan kerja.” Haruskah anda terlibat dalam urus niaga ini?

Analisa: Jangan buat begitu tanpa siasatan tambahan yang teliti dan perlindungan kontrak. Walaupun *pada permukaannya* urusan ini tidak sah, ada bendera merah dalam cara urusan ini yang kalau tidak disemak dengan betul akan bermakna anda dan Syarikat menghadapi risiko melanggar undang-undang FCPA atau lain-lain undang-undang mencegah rasuah. Berhati-hatilah dengan pembayaran pendahuluan yang agak luar biasa dan/atau komisyen untuk pihak ketiga, terutama sekali mereka yang berurus secara langsung dengan badan-badan kerajaan dan mereka yang sebenarnya menjual "laluan." Anda mungkin bertindak dengan pengetahuan untuk tujuan analisa FCPA dengan secara sedarnya tidak menghiraukan fakta-fakta mengenai pihak ketiga yang menunjukkan kemungkinan bahawa pembayaran korup akan berlaku. Hubungilah Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan bantuan dalam menjalankan penyiasatan teliti terhadap agen-agen serta juga menyediakan bahasa kontrak yang sesuai.

Senario: Anda bertujuan untuk memasuki Usahasama ("JV") dengan sebuah syarikat untuk membuat tawaran mendapatkan kontrak kerajaan di Timur Tengah. Semasa rundingan rakan JV anda memberitahu bahawa dia mempunyai banyak kontrak yang sedia ada dengan pihak-pihak ketiga di negara-negara di mana terdapat banyak rasuah. Sesetengah daripada kontrak ini digunakan untuk "menyediakan perkenalan" kepada pegawai-pegawai kerajaan dan rakan tersebut berkata ini adalah perlu semasa menjalankan bisnes di sesebuah negara. Bolehkah anda terlibat dalam urusniaga sebegini?

Analisa: Tidak tanpa maklumat tambahan. Walaupun bakal rakan JV ini memasuki kontrak ini terdahulu daripada penglibatan Eaton, ini mungkin akan merupakan masalah di masa depan dari sudut pandangan undang-undang dan bisnes.

"Perkenalan berbayar" ini boleh dianggap sebagai transaksi korup. Sebagai pihak kepada JV ini, Eaton mungkin dikenakan hukuman di bawah undang-undang FCPA dan lain-lain undang-undang melawan rasuah.

Dari sudut pandangan bisnes, operasi yang berterusan dan nilai bisnes mungkin ada kesan yang buruk jika rakan JV atau agennya bertindak secara korup pada masa lalu untuk mendapatkan bisnes kerajaan atau keputusan kerajaan yang memihak mereka.

Sebelum memasuki sebarang perjanjian usahasama, hubungilah Jabatan Undang-undang untuk membantu anda menjalankan penyiasatan teliti. Menerusi proses ini anda boleh kaji semula kontrak dan lain-lain dokumen yang berkenaan, temubual orang-orang yang penting dan kembangkan bentangan fakta dan waranti mengenai bisnes tersebut. Proses ini akan menolong memastikan bahawa kontrak pihak ketiga tidak berasaskan hubungan yang korup.

SOALAN-SOALAN YANG SERING DITANYA

Apakah sebenarnya rasuah atau sogokan?

Rasuah secara am boleh disifatkan sebagai tawaran atau penerimaan sebarang pembayaran, hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran atau lain-lain faedah atau pertimbangan kepada atau daripada seseorang sebagai galakan untuk membuat sesuatu, menahan daripada membuat sesuatu, atau untuk mempengaruhi sesuatu keputusan. Misalnya, pembayaran wang untuk (a) mendapat, mengekalkan atau mengarah bisnes, (b) mendapat manfaat yang berlebihan atau tidak betul dalam perlaksanaan bisnes (seperti layanan cukai yang lebih baik), atau (c) mempengaruhi pertimbangan atau perilaku pihak ketiga atau menyebabkan hasil atau tindakan yang diinginkan ialah rasuah. Sogokan ialah sejenis rasuah. Ia adalah pengembalian yang tidak beretika atau haram sebahagian daripada pembayaran yang sudahpun dibuat sebagai sebahagian daripada transaksi bisnes yang sah. Misalnya, seorang pembekal yang tidak beretika mungkin bersetuju untuk membayar pengurus pembelian sejumlah wang sebagai balasan untuk mendapat kontrak bekalan dari pengurus tersebut.

Bolehkah pertolongan atau hadiah dan bukan wang tunai diberi kepada seseorang supaya mereka bersetuju membuat sesuatu untuk Eaton?

Tidak. Rasuah, sogokan dan lain-lain bentuk pembayaran rasuah boleh berlaku dalam banyak bentuk dan bukan sahaja pembayaran wang. Ini boleh termasuk perkara seperti

- memberi pekerjaan kepada saudara-mara orang yang berfaedah daripada rasuah tersebut,
- menjanjikan pekerjaan selepas persaraan daripada kerajaan, atau
- hadiah yang melampau dan berlebihan atau hadiah yang merupakan layanan seksual

Pastikan bahawa hadiah, hiburan dan bentuk perjalanan yang disediakan kepada para pegawai kerajaan, serta juga syarikat swasta, tidak boleh dianggap sebagai rasuah atau sebarang bayaran rasuah. Rujuk Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia untuk mendapatkan panduan mengenai pemberian atau penerimaan hadiah, hiburan dan bentuk perjalanan yang betul yang melibatkan orang lain.

Bagaimana dengan sumbangan amal? Bagaimanakah ini boleh dianggap sebagai tidak betul?

Para pekerja mesti mengelak sumbangan amal atau penajaan yang mungkin merupakan cara berselindung untuk mendapat rasuah lain-lain pembayaran rasuah. Misalnya, pegawai yang korup mungkin mencadangkan sebelum kita boleh dipertimbangkan untuk diberi bisnes kita mesti bersetuju untuk memberi sumbangan kepada badan amal yang dipilih oleh pegawai tersebut. Dapatkan kebenaran daripada Jabatan Undang-undang sebelum membuat sebarang sumbangan. Kita mesti pastikan bahawa: (a) badan amal tersebut ialah badan amal yang sah; (b) pembayaran tidak akan diubah haluan kepada ataupun memanfaatkan pegawai ataupun anggota keluarganya; (c) sumbangan ini telus dan akan dicatatkan dengan betul dalam rekod kewangan kita; (d) urusan ini mematuhi semua undang-undang yang berkaitan; dan e) sumbangan tidak diberi sebagai balasan kepada keputusan yang memihak orang yang meminta.

Bolehkah kita berikan pelanggan invois yang menunjukkan jumlah lebih tinggi atau lebih rendah daripada jumlah yang sebenarnya?

Tidak. Semua invois yang kita beri kepada pelanggan mestlah menunjukkan harga sebenar produk berkenaan dijual. Ini adalah betul tidak kira apa alasan yang diberi oleh pelanggan mengenai tujuan invois tersebut.

Siapakah pegawai kerajaan? Kalau pelanggan dimiliki oleh pihak berkuasa kerajaan, adakah pengurus pembelianya pegawai kerajaan?

Ungkapan “pegawai kerajaan” ialah ungkapan yang luas. Ia termasuk semua pekerja, di mana-mana peringkat, jabatan atau agensi kerajaan, sama ada eksekutif, perundangan atau kehakiman. Para pegawai dan pekerja syarikat milik atau di bawah kuasa kerajaan juga di anggap sebagai “pegawai kerajaan.” Oleh yang demikian, ungkapan ini tidak hanya termasuk individu seperti pegawai yang dipilih, pengawas kastam dan cukai dan para pegawai pemerolehan kerajaan perusahaan milik negara. Ia juga termasuk: (a) sesiapa yang bertindak dalam dalam bidang kuasanya secara resmi untuk pertubuhan, jabatan, atau agensi kerajaan, (b) para pegawai atau pekerja sebarang pertubuhan wam antarabangsa, seperti Tabung Kewangan Antarabangsa , Kesatuan Eropah dan Bank Dunia, dan (c) parti-parti politik asing, para pegawai parti, atau calon yang bertanding. Ingat, Dasar ini melarang tawaran, penerimaan atau pembayaran rasuah, sogokan atau lain-lain pembayaran rasuah kepada sesiapa, sama ada mereka pegawai kerajaan atau tidak.

Dalam sesetengah bisnes sudah menjadi kebiasaan untuk mengupah seorang agen pihak ketiga untuk membantu mengembangkan dan menjaga bisnes. Bendera merah apakah yang para pekerja harus pertimbangkan untuk mempastikan bahawa agen tersebut tidak membuat pembayaran yang tidak betul?

- Penyiasatan Teliti bakal rakan bisnes adalah penting sebab pembayaran

yang dibuat oleh pihak ketiga bagi pihak Eaton mungkin kena tindakan undang-undang yang sama seakan-akan Eaton sendiri yang membuat pembayaran tersebut. Pastikan bakal rakan bisnes itu pertubuhan yang sah, dengan kemahiran, bakat, sumber dan keupayaan untuk melakukan tanggungjawabnya dan rakan bisnes maupun mana-mana pekerja atau sekutunya, tidak membuat atau berkemungkinan akan membuat pembayaran yang tidak betul. Menyoal diri anda soalan-soalan ini boleh menolong memberi anda amaran akan kemungkinan sebarang isu pembayaran rasuah yang melibatkan pihak ketiga:

- Bagaimanakah reputasi pihak ketiga, terutama sekali berhubungkait dengan rasuah?
- Adakah pihak ketiga hubungan keluarga atau bisnes dengan seorang pegawai kerajaan?
- Kalau sebuah entiti, adakah pihak ketiga itu milik seorang pegawai kerajaan?
- Kalau orang, adakah pihak ketiga itu sekarang ini, atau pernahkah sebelum ini, seorang pegawai kerajaan?
- Adakah pihak ketiga itu disarankan oleh seorang pegawai kerajaan?
- Adakah pihak ketiga itu kakitangan, kepakaran, kemudahan dan lain-lain sumber yang mencukupi untuk melakukan perkhidmatan yang diperlukan?
- Adakah yuran, komisyen atau lain-lain ganjaran pihak ketiga wajar dan konsisten dengan kadar pasaran untuk perkhidmatan atau urusan yang serupa di tempat tersebut?
- Adakah pihak ketiga meminta bayaran wang tunai, bonus yang luar biasa, bayaran pendahuluan yang banyak, atau sebarang proses pembayaran yang luar biasa, seperti pembayaran di tempat lain atau bukan dalam buku akaun?
- Adakah pihak ketiga faham dan bersetuju untuk mematuhi dengan dasar Eaton melarang sebarang pembayaran korup?
- Pernahkah pihak ketiga dikenakan apa-apa penyiasatan kerjaan, penyiasatan secara tidak resmi, atau tindakan yang dikuatkuasakan berhubung dengan rasuah?

Akhir sekali, adalah penting yang penyiasatan teliti dilakukan dalam pengawasan dan kajian akan tindakan dan prestasi tanggungjawab seseorang rakan bisnes sepanjang tempoh penglibatannya supaya sebarang kebimbangannya boleh dikenalpasti dan ditangani dengan cepat.

Jabatan Undang-undang boleh membantu memandu anda menerusi usaha-usaha penyiasatan teliti anda dan menilaikan hasil penyiasatan teliti anda.

Saya rasa selesa dengan usaha penyiasatan teliti saya terhadap bakal rakan bisnes, tetapi peruntukan kontrak jenis apakah harus saya masukkan dalam perjanjian kita dengan rakan tersebut?

Jabatan Undang-undang boleh membantu anda dalam hal ini, tetapi secara amnya,

peruntukan-peruntukan in akan termasuk: (a) fakta-fakta berkaitan melawan rasuah, waranti dan kovenan berhubung dengan pematuhan dengan undang-undang melawan rasuah, termasuk FCPA; (b) hak untuk menjalankan odit buku dan rekod rakan bisnes untuk mempastikan pematuhan dengan fakta-fakta, waranti dan kovenan ini; dan (c) hak untuk menamatkan rakan bisnes rakan ekoran mana-mana pencabulan undang-undang melawan rasuah atau kenyataan fakta, waranti dan kovenan perjanjian berhubungkait dengan perkara-perkara tersebut.

Bagaimakah harus saya bertindakbalas terhadap tuntutan pembayaran rasuah atau tawaran rasuah?

Meskipun dengan nama baik, Kod Etika dan niat baik Eaton, sesetengah daripada kita mungkin mengalami keadaan semasa menjalankan tugas kita di mana kita sedar seorang bakal pelanggan atau pegawai mengharapkan rasuah atau lain-lain pembayaran rasuah, atau menawarkan kita sogokan. Selain daripada langkah awal menolak tuntutan atau tawaran, sentiasalah dapatkan bantuan dalaman. Penyelia atau lain-lain pengurus Eaton boleh membuat capaian kepada pertubuhan dari mana asalnya tuntutan tidak betul ini dan timbulkan soal perilaku ini di peringkat tertinggi.

Sebagai tambahan, pertimbangkan yang berikut ini dalam interaksi bisnes anda:

- Jalin Perhubungan – Tegaskan menang-menang.
- Tegaskan betapa anda sanggup bekerja dengan pelanggan, vendor atau pegawai untuk mencapai keadaan menang-menang yang selaras dengan prinsip dan nilai tinggi kita.
- Bincangkan pentingnya nilai, keutuhan dan melakukan bisnes yang betul oleh Eaton.
- Bincangkan apa yang Eaton boleh beri: Teknologi, Pelaburan, Kemahiran, Latihan, Pekerjaan dan Pertumbuhan.
- Semasa membincangkan nilai-nilai kita, sampaikan tanggapan kita bahawa kita mengharap para pekerja, rakan bisnes, vendor, kontraktor dan pegawai untuk bertindak selaras dengan nilai-nilai ini.
- Tekankan kepada para pegawai tempatan bahawa kita melabur dalam masyarakat mereka kerana kayakinan kita dalam kebolehan mereka untuk melindungi kita daripada rasuah atau perbuatan korup yang dijangkakan.
- Jelaskan bahawa undang-undang mengenakan denda dan hukuman berat bagi pembayaran rasuah yang melibatkan pegawai kerajaan dan pencatatan yang tidak betul akan pembayaran yang tidak betul.
- Sentiasa hantar mesej yang sama: “Ini ialah siapa kita”; “Inilah caranya kita melakukan bisnes”.
- Kerja untuk menjaminkan nama baik anda dan nama baik Eaton adalah keutamaan bagi anda. Hapuskan jangkaan bahawa ianya wajar untuk bertanya.

Akhir sekali, berundurlah kalau terpaksa, dengan pengetahuan bahawa anda telah membuat pilihan yang betul. Eaton tidak mahu atau perlu sebarang bisnes yang tidak boleh diperolehi secara beretika dan secara sah.